

Konsep Merantau Ke Alam Melayu: Serampang Banyak Mata

RAJA MASITTAH RAJA ARIFFIN

ABSTRAK

Alam Melayu meliputi satu wilayah yang luas dan telah lama mempunyai peradaban gemilang dan terbilang seawal abad ke-7 lagi. Selain kaya dengan khazanah bangsa, alam Melayu juga kaya dengan flora dan fauna yang menjadi bahan kajian cendekiawan Barat dalam bidang sains biologi, geologi dan sebagainya. Kajian ini menggariskan tiga objektif bagi mencari jawapan kepada persoalan sebab-sebab utama orang-orang Barat tertarik hati ke alam Melayu, dan apakah bentuk keunikan alam Melayu yang menggamit mereka tertumpu ke kawasan ini, dan siapakah antara mereka yang memberikan sumbangan dalam penghasilan karya tentang bahasa Melayu. Data kajian berdasarkan catatan dokumentasi cendekiawan dan sarjana Barat yang tersiar dalam Jurnal Dewan Bahasa (1989-1997). Kaedah kepustakaan digunakan untuk kajian ini, disamping menerapkan pendekatan biografi dengan konsep merantau ke alam Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa antara faktor penting, termasuklah faktor keserjanaan, ekonomi dan perdagangan, agama, politik dan usaha mencari kemasyhuran nama, serta pentadbiran dan pendidikan yang telah menggamit golongan non-kolonial dan kolonial merantau ke Alam Melayu. Kehadiran mereka di alam Melayu telah berjaya menghasilkan ribuan kosa kata dan secara tidak langsung telah melahirkan golongan cendekiawan seperti Pigafetta, de Houtman, Bowrey, Marsden, Klinkert, Shellabear, Wilkinson, Winstedt, Swettenham, Hamilton dan lain-lain. Penerbitan kamus-kamus ini banyak memberikan manfaat kepada pengguna bahasa dan penyelidik pada zaman dahulu dan kini sebagai sumber rujukan, bukan sahaja kepada pengkaji Barat tetapi juga pengkaji di sebelah Timur. Hasil kajian dan penerbitan tersebut turut menyumbang kepada pengayaan kepustakaan Melayu.

Kata kunci: konsep merantau, Alam Melayu, cendekiawan Barat, daftar kata

ABSTRACT

The Malay world is situated in a vast region and possesses a bright and glorious civilization as early as 7th century. Apart rich in Malay heritage, the Malay world is indeed rich in flora and fauna as research materials by Western scholars in the field of biological science, geology, etc. This study underlines three objectives to answer the questions what are the main reasons that have attracted the westerners to the Malay world. And what are the uniqueness of the Malay World that made them drawn to this region, and who are among them that have contributed to produce works pertaining to the Malay language. The research data are based on documentation notes on Western scholars published in Jurnal Dewan Bahasa (1989-1997). This study has applied biographical approach with the concept of Merantau to the Malay World. The finding shows that among other important factors, are scholarship, economy and trade, religion, politics and efforts for fame as well as administration and educational factors that have drawn non-colonial and colonial personalities to the Malay world. During their stay, they managed to collect thousands of lexical words and indirectly they became a well-known intellectual, like Pigafetta, de Houtman, Bowrey, Marsden, Klinkert, Shellabear, Wilkinson, Swettenham, Hamilton and others. Publication of dictionaries by them have brought a great help to users and researchers that time till today as sources of reference not only for Western researchers but also local researchers. Those publications contribute to the Malay depository.

Key words: concept of merantau, Malay World, Western scholars, lexical words

PENDAHULUAN

Alam Melayu merupakan satu kawasan yang luas dan telah lama mempunyai peradaban dan tamadun yang gemilang sejak pada zaman kerajaan Sriwijaya pada abad ke-7. Hal ini terbukti dengan penemuan awal beberapa prasasti atau batu bersurat di Palembang dan Jambi dari tahun 683-686 yang menggunakan bahasa Melayu. Alam Melayu juga kaya dengan khazanah bangsa Melayu, dan kaya

dengan flora dan fauna yang dapat dijadikan bahan kajian para sarjana dalam pelbagai bidang, seperti sains biologi, geologi, etnografi, termasuklah bahasa, kemanusiaan dan kemasyarakatan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejak dahulu lagi, para ilmuwan Barat berusaha menjalankan kajian dan penyelidikan dalam pelbagai

bidang dan ilmu. Untuk memperluas kajian dan meneroka dunia yang lebih luas, Alam Melayu telah menjadi tumpuan mereka untuk mendapatkan maklumat dan bahan. Alam Melayu adalah antara kawasan yang amat sesuai bagi mereka untuk tujuan tersebut. Kedatangan orang-orang Barat² ke Alam Melayu terbahagi kepada dua golongan, iaitu non-kolonial dan kolonial (Waruno Mahdi 2002a). Kedatangan kedua-dua golongan ini ke alam Melayu mempunyai matlamat dan tujuan tertentu untuk kepentingan masing-masing. Dalam tempoh masa yang agak panjang kehadiran mereka di Alam Melayu, apakah usaha-usaha positif yang telah dilakukan oleh mereka ini, khususnya tentang bahasa Melayu, dan siapakah antara mereka ini yang telah menyumbang kepada khazanah Melayu. Untuk menjawab segala persoalan di atas, kajian ini telah menggariskan tiga objektif utama seperti yang berikut.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif pertama kajian ini ialah mengenal pasti faktor-faktor utama yang menarik perhatian golongan non-kolonial dan kolonial Barat datang ke Alam Melayu, dan diikuti dengan objektif kedua yang menghuraikan secara terperinci faktor-faktor tersebut, dan mengemukakan tokoh dan sarjana yang menghasilkan karya-karya penting dalam bahasa Melayu sebagai objektif ketiga. Ketiga-tiga objektif ini akan dihuraikan sekali gus dalam dapatan kajian kerana setiap satu objektif itu berkait rapat satu sama lain dan cara ini dapat memperlihatkan kesatuan dalam persembahan.

METODOLOGI DAN BATASAN KAJIAN

Pengkaji memanfaatkan data daripada catatan dokumentasi yang ditulis oleh pengkaji tentang cendekiawan dan sarjana Barat, yang tersiar dalam *Jurnal Dewan Bahasa* (1989-1997), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan bagi memperkukuh maklumat dan data yang ada, disamping menerapkan pendekatan biografi dan mengaitkannya dengan konsep merantau ke alam Melayu dalam usaha penganalisisan data. Dari sudut batasan kajian, perkara yang dibincangkan meliputi kedatangan orang-orang Barat ke Alam Melayu, yang terdiri daripada golongan non-kolonial dan kolonial. Walau bagaimanapun, sarjana Barat yang

terlibat dengan penyelidikan ilmiah atau keilmuan sifatnya diambil kira kerana mereka tidak termasuk dalam golongan kolonial.

DAPATAN KAJIAN

Tradisi Kesarjanaan

Walaupun peranan dan sumbangan orang Jerman, Swiss, Austria dan beberapa kumpulan Barat yang lain tidak menonjol di dunia Melayu, tetapi para ilmuwan Jerman dikatakan terlibat secara langsung dalam hubungan awal Eropah dengan dunia Melayu. Kenyataan ini telah dibuktikan melalui satu kolokium yang telah diadakan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, anjuran ATMA dan Universiti Goethe, Jerman pada 11-13 Mac 2002. Kolokium ini sekurang-kurangnya dapat menyemak peranan ‘kolonial’ dan ‘non-kolonial’ dalam penyelidikan bahasa, sastera dan budaya Melayu di Kepulauan Melayu seawal abad ke-16.

Waruno Mahdi (2002b) dalam makalahnya yang berjudul “*Malayan Words and Malayan Things: Earliest Lexical Souvenirs of European Travellers from an Exotic Archipelago*” meneliti aspek leksikal khusus dalam bidang komunikasi yang berkaitan dengan pengalaman kembara orang Eropah, khususnya Jerman di dunia Melayu. Tiga kumpulan yang disebut ialah memoir kembara dengan etnolinguistik Jerman sebelum tahun 1492; Perjanjian Residen Kesarjanaan Jerman yang berdasarkan *travelogue* Portugis, Sepanyol dan Belanda; dan Memoir pekerja Jerman dalam Syarikat Hindia Timur Belanda.

Sejak abad ke-16, orang-orang Jerman telah belayar ke Hindia Timur. Ada yang bekerja di Syarikat Hindia Timur Belanda sebagai doktor, jurutera, saudagar, ahli botani dan ahli zoologi di seluruh kepulauan Melayu. Para pedagang dan saudagar Jerman serta kumpulan profesional dan golongan sarjana dan ilmuwan yang pernah merantau ke alam Melayu telah mengumpulkan bahan dan dokumen dalam jumlah yang banyak, seperti catatan peribadi sebagai rakaman sejarah silam tentang Melayu. Antaranya termasuklah diari, warkah, bahan sejarah, esei akademik, risalah kembara dan seumpamanya. Selama 400 tahun yang lampau, segala khazanah Melayu seperti manuskrip, warkah dan dokumen-dokumen penting Melayu telah tersimpan di negara-negara Barat dan dipulihara kerana tradisi Barat terkenal dengan budaya menyimpan dan mendokumentasikan bahan sejarah.

Salah seorang berbangsa Jerman yang antara terawal merantau ke alam Melayu ialah Geogius Rumphius (1628-1702) yang dirakamkan dalam khazanah Jerman sebagai pelopor dalam perkembangan botani dan zoologi moden yang telah melaksanakan penyelidikan secara empiris selama 48 tahun (1654-1702) di Ambon. Rumphius dianggap sebagai seorang saintis dalam bidang botani yang mempunyai personaliti yang menonjol bukan sahaja dalam bidang sains malah bidang kemanusiaan seperti antropologi, sejarah dan geografi. Demikian juga dengan Brandstetter (1860-1942), seorang penganalisis dialek Swiss (Luzern) yang menjadi pembicara tentang dunia Melayu. Brandstetter telah mempelajari dan menguasai linguistik Indonesia dan bahasa Indonesia, termasuklah bahasa Melayu, Bugis dan Makassar. Penyelidikannya berfokus kepada bahasa dan budaya Austronesia dengan mengemukakan rekonstruksi yang disebut Proto-Indonesia. Karyanya yang utama ialah kajian perbandingan hubungan genetik antara bahasa Malagasi dan bahasa Melayu.

Antara ahli geografi dan sains Jerman yang terkenal dan pernah merantau ke alam Melayu pada abad ke-19 ialah Franz Wilhelm Junghuhn (1809-1864), yang telah membuat penyelidikan secara saintifik dan menghasilkan karya yang berjudul *Humboldt of Java*, dan menyediakan satu set lengkap peta topografi yang berskalakan 1:350,000 tentang Jawa. Hasil kajian ini kemudian telah dimanfaatkan oleh Kerajaan kolonial Belanda untuk mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai untuk memperluas estet, terutamanya untuk tujuan penanaman pokok *chinchona* yang digunakan sebagai bahan perubatan, khususnya untuk mengubati penyakit Malaria

Wilhelm von Humboldt juga seorang sarjana berbangsa Jerman yang merantau ke alam Melayu dan membuat kajian di Pulau Jawa (1836-1838), dan berjaya menghasilkan karya tentang bahasa Kawi dalam 3 jilid, yang mengandungi analisis linguistik tentang bahasa dan budaya Melayu (Graf 2002:2). Selain Humboldt, Otto Dempwolff turut membuat penyelidikan tentang dunia Melayu dengan merekonstruksikan sistem bunyi berdasarkan data lapangan lebih daripada 200 bahasa; dan mengakui pentingnya bentuk leksikal bahasa-bahasa Austronesia barat di Asia Tenggara seperti Melayu, Batak, Ngaju, Dayak dan sebagainya. Kajian tersebut telah diterbitkan dalam bentuk buku dengan judul *Malay Grammar in German*.

Sarjana Austria juga tidak ketinggalan merantau ke alam Melayu untuk membuat penyelidikan

saintifik tentang dunia Melayu, khususnya tentang etnik Melayu, budaya Melayu dan bahasa Melayu. Antara pelopor yang menyerlah dalam penyelidikan saintifik tentang dunia Melayu, termasuklah George Christoph Fernberger Von Egenberg (1557-1594) yang pernah mengunjungi Melaka pada abad ke-16, dan Christoph Carl Fernberger (1596-1653), iaitu orang Austria pertama mengelilingi dunia dengan merekodkan pelbagai peristiwa pengalamannya dari tahun 1621-1628 di Asia Tenggara, termasuklah di Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Ayudhya, Taiwan, China dan Jepun di Asia Timur dan juga lawatan ke kerajaan Melayu Patani (1624-1625). Demikian juga dengan Hugo Schuchart yang dianggap bapa pengajian pinyin dan kreol, iaitu Melayu-Sepanyol dan Melayu-Portugis. Wilhelm Schmidt (1868-1954) juga seorang ahli bahasa dan ahli etnologi Austria yang berpengalaman merantau dan menjalankan kajian di alam Melayu, dan telah mengubah istilah Malayo-Polinesia kepada 'Austronesia'. Schmidt telah menggunakan bukti-bukti linguistik untuk kepentingan rekonstruksi budaya dan sejarah melalui penyelidikannya tentang istilah-istilah Melayu yang hanya boleh diterapkan kepada etnik Melayu. Paul Schebesta (1878-1967) turut membuat penyelidikan tentang orang Semang di Malaysia dan di selatan Thai; orang Senoi dan Jakun di Malaysia; dan orang Kubu di Sumatera.

Selain sarjana Jerman, Swiss dan Austria, sarjana Belanda juga merantau ke alam Melayu. Antara sarjana Belanda yang amat dikenali di Indonesia dan di Malaysia ialah Prof. A. Teeuw, yang kerjaya awalnya sebagai pegawai hal ehwal bahasa di Indonesia (Raja Masittah 1991). Semasa berada di Pulau Bali, dia telah meneliti dan mengkaji naskhah-naskhah kuno yang ditemui di pulau tersebut. Minatnya semakin mendalam apabila terpilih sebagai pensyarah di Universitas Indonesia di Jakarta. Selama hampir empat tahun dia menetap di Indonesia (1947-1951), dan dalam tempoh tersebut dia menumpukan perhatian terhadap pembelajaran dan pengajian bahasa dan kesusasteraan Melayu. Teeuw dilantik sebagai Profesor, iaitu satu-satunya penghormatan paling tinggi dalam dunia akademik pada waktu itu atas kebolehan yang istimewa. Teeuw membuat kajian dialek yang meliputi 189 buah desa di Lombok (1949-1950) bersama-sama dengan sarjana tempatan. Hasil kajian diterbitkan dalam bentuk buku yang berjudul *Atlas Dialek Pulau Lombok* (1951) yang diterbitkan di Jakarta. Usaha ini diteruskan dengan meneliti dialek bahasa Sasak di Pulau Lombok. Banyak sumbangan tenaga dan kepakaran diberikan oleh Teeuw di Indonesia, dan

kemudian menerima gelaran Doktor *Honoris Causa* daripada Universitas Indonesia, sebagai Profesor Tamu di Yogyakarta (1977), dan menjadi tenaga pengajar utama untuk kuliah teori sastera pada Penataran Tenaga Ahli Kesusasteraan Jawa dan Nusantara, di Fakultas Sastera dan Kebudayaan, Universitas Gajah Mada (1979-1981). Karya yang dihasilkan dan diterbitkan dalam bentuk buku ialah *Kamus Indonesia-Belanda* yang disusun dengan kerjasama W. J. S. Poerwadarminta.

Di Malaysia, Teeuw diundang sebagai pemeriksa luar negeri bagi peperiksaan di Universiti Malaya di Singapura (1958). Sebagai pakar bahasa dan sastera Melayu-Indonesia, Teeuw menyumbangkan tenaga dan kepakaran dalam penyusunan *Kamus Dewan*, yang diketuai oleh Dr. Teuku Iskandar. Teeuw dilantik sebagai penasihat projek penyusunan *Kamus Dewan* (atas biaya UNESCO) di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Seorang lagi sarjana Belanda yang pernah merantau ke alam Melayu ialah Roolvink yang memulakan kerjayanya sebagai pensyarah bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu di Universiti Leiden dan di Timur. Roolvink berpengalaman menjadi Profesor dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya pada awal tahun-tahun 1960-an. Dengan kepakarannya dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu, Roolvink dilantik sebagai penilai luar yang pertama Universiti Kebangsaan Malaysia (Raja Masittah 1995).

Sarjana Perancis yang tidak asing lagi di alam Melayu, khususnya di Indonesia dan di Malaysia ialah Labrousse, seorang Profesor Bahasa Indonesia di Lembaga Nasional Bahasa dan Kebudayaan Timur (*INALCO*) di Paris, Perancis. Sebagai seorang yang berpengetahuan luas dan berpengalaman dalam bidang leksikografi, Labrousse dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Projek Etimologi Indonesia (*Indonesian Etymological Project*) yang mengusahakan beberapa projek etimologi. Dia meneruskan kajian dan mendalami bidang leksikografi dan mula menggerakkan projek leksikografi yang pertama dalam bahasa Indonesia pada tahun 1967, iaitu semasa di Indonesia. Kamus yang terhasil ialah *Kamus Dasar Perancis-Indonesia* (Jones 1983:47) yang berjaya diterbitkan pada tahun 1969. Selain *Kamus Dasar Perancis-Indonesia* (1969), Labrousse turut mengusahakan satu projek besar, iaitu penyusunan *Kamus Indonesia-Perancis (Indonesian-French Dictionary)* yang berdasarkan korpus baharu yang diperolehi melalui penyelidikan.

Faktor Ekonomi dan Perdagangan

Merantainya orang Barat ke alam Melayu banyak dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan perdagangan. Alam Melayu yang kaya dengan hasil bumi dan sumber bahan mentah seperti emas, bijih timah, tembaga, perak dan yang lain-lain telah menarik perhatian mereka ke alam Melayu. Bumi bertuah ini juga mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk pelbagai jenis tanaman seperti pokok cengkih, lada hitam, pokok pala dan pelbagai tumbuhan yang dapat menghasilkan rempah ratus yang amat berharga pada waktu itu. Selain itu, alam Melayu juga kaya dengan hasil kayu balak dan getah. Sebagai contoh, Tanah Melayu kaya dengan hasil bijih timah, emas dan perak; demikian juga dengan pulau Jawa yang tanahnya subur untuk tanaman lada hitam. Kesuburan tanah dan kekayaan hasil bumi telah menggigit orang-orang Barat datang ke alam Melayu untuk meraih keuntungan dan kekayaan di Timur. Keghairahan mereka bermula apabila Barat mula masuk ke era industri kapitalisme.

Kedah juga pada waktu itu merupakan pusat perdagangan awal yang terletak di Lembah Merbuk (Kennedy 1967:67) dan pada abad ke-15, Sungai Kedah menjadi fokus bagi kegiatan politik dan ekonomi. Pada tahun 1600, Syarikat Hindia Timur mula menjalankan perdagangan rempah melalui ekspedisi awal Portugis dan Belanda di alam Melayu, dan kemudian diikuti oleh pedagang Inggeris. Pada abad ke-18, Pulau Pinang menjadi penting apabila Syarikat Hindia Timur Inggeris membuat petempatan di Pulau Pinang (1770-1805). Walaupun komoditi eksport utama pada masa itu ialah bijih tetapi perdagangan seperti gading gajah, kayu balak dan rotan turut sama penting.

Dengan terbukanya peluang perusahaan atau industri di Eropah, orang Barat mula mencari idea untuk mendapatkan bahan-bahan mentah bagi memenuhi permintaan kilang-kilang di Eropah pada waktu itu supaya produk yang terhasil dapat diperdagangkan untuk memenuhi keperluan pasaran barangan keluaran mereka. Bagaimanakah strategi yang membolehkan mereka memperoleh semua bahan mentah tersebut? Antaranya adalah melalui penjajahan. Kerajaan Inggeris dan Belanda mula mengesan negara-negara yang bakal dijajah; di samping Perancis dan Inggeris membuat satu pemetaan daerah di Semenanjung Indochina (kecuali Thailand) yang bakal menjadi tanah jajahan mereka. Dengan kata lain, zaman revolusi atau pembaharuan yang berlaku di Eropah merupakan pemangkin kepada pedagang-pedagang Barat atau Eropah ke

alam Melayu bagi mendapatkan bekalan bahan mentah untuk pengindustrian yang sedang bersemarak di Eropah, kerana permintaan terhadap bahan-bahan mentah tersebut amat tinggi dan menggalakkan. Seperti kata perpatih, ada gula adalah semut. Oleh sebab itu mereka mula datang berkapal-kapal menuju ke Timur untuk mencapai tujuan yang sama.

Antara pedagang Barat yang awal merantau ke alam Melayu untuk tujuan perdagangan ialah Antonio Pigafetta. Ekspedisi Pigafetta ke kawasan kepulauan yang sejak tahun 1542 dikenal sebagai Filipina. Di Cebu, dia berusaha mengumpulkan kosa kata Cebuano yang dimuatkan dalam daftar kata Cebuano. Ketika Pigafetta menjejakkan kaki ke Brunei pada tahun 1521 bersama Magellan, dia telah mengumpulkan beberapa kata leksikal loghat Melayu Brunei (Raja Masittah 1993a). Sejarah dan peristiwa semasa pelayaran dan pemerantauan Pigafetta bersama-sama dengan Magellan dirakam dalam bentuk manuskrip dan kemudian dibukukan, iaitu *The First Voyage Round the World by Magellan* (1874) dan *Magellan's Voyage Around the World* (1906). Walau bagaimanapun tugas pengumpulan data-data diusahakan di kawasan Timur dan proses penyusunannya dilakukan setelah pulang ke Eropah dengan bantuan *Henrique*, dan teman-teman lain yang mampu berbahasa Melayu. Bausani (1961) membuat kajian secara tuntas tentang karya Pigafetta yang berjudul *The First Italian-Malay Vocabulary* yang menyenaraikan sejumlah 426 kata leksikal bahasa Melayu, termasuklah kata leksikal bahasa daerah.

Demikian juga dengan Cornelis dan Frederick de Houtman yang merantau ke alam Melayu sebagai wakil saudagar-saudagar Belanda untuk menjalankan perniagaan dan perdagangan rempah dengan penduduk-penduduk di alam Melayu (Raja Masittah 1993b). Tambahan pula, pada masa itu Portugis amat berpengaruh dan berkuasa mengutip hasil rempah-ratus di alam Melayu untuk diperdagangkan di Eropah. Campur tangan pihak Belanda dalam perniagaan ini telah menimbulkan kemarahan pihak kerajaan Bantam yang ketika itu diperintah oleh Pengeran Muhammad, Sultan Bantam ketiga. Akibatnya, timbul perselisihan faham yang menyebabkan Cornelis de Houtman ditangkap dan dipenjarakan. Demikian juga dengan adiknya, Frederick de Houtman yang telah ditangkap dan dijatuhi hukuman penjara oleh Sultan Aceh (1599-1601). Selama menjalani hukuman, kedua-dua Houtman ini telah mengumpulkan sebanyak mungkin

data yang berkenaan dengan leksikal bahasa Melayu yang pernah didengarnya melalui pertuturan dalam kalangan orang Melayu. Melalui pengalaman pahit yang dialami, Houtman berkesempatan juga belajar bahasa Melayu yang pada ketika itu menjadi bahasa *lingua franca*. Antara karya mereka, termasuklah Kamus Melayu-Belanda, yang menurut catatan Hamilton (1947) telah diterbitkan di Amsterdam pada tahun 1598. Kamus ini pada peringkat awal hanya menyenaraikan kata leksikal bahasa Melayu-Belanda, tetapi kemudian disertakan pula makna dalam bahasa Inggeris dan ejaan Melayu. Cornelis dan Frederick de Houtman memainkan peranan masing-masing dalam memberikan sumbangan kepada bahasa Melayu, khususnya dalam bidang perkamusan. Kedua-duanya berusaha memperkenalkan dan menyebarkan kata leksikal bahasa Melayu yang penting untuk tujuan komunikasi dalam urusan perdagangan dengan para peniaga di alam Melayu. Antaranya termasuklah nama bahan galian seperti emas, perak, tembaga, timah; hasil utama yang menjadi rebutan orang Barat seperti cengkik, lada hitam; binatang ternakan seperti lembu, itik, ayam dan seumpamanya; dan leksikal yang berkaitan dengan senjata api yang dibekalkan untuk kegunaan penduduk di alam Melayu.

Thomas Bowrey yang dikenal sebagai Kapten Bowrey berpengalaman luas merantau ke alam Melayu untuk berdagang di negara-negara yang disebut *Malayo* selama 19 tahun. Pengalaman belayar di lautan luas, kesungguhannya berdagang di negara-negara di sebelah timur dan alam Melayu, serta bergaul dengan masyarakat Melayu tempatan, banyak memberikan gagasan kepada Bowrey untuk menghasilkan satu daftar kata atau sebuah kamus yang memuatkan kata leksikal dalam sesuatu bahasa mengikut kaedah ejaan Inggeris. Antara karya penting yang dihasilkan oleh Bowrey, termasuklah *A Dictionary English and Malayo, Malayo English* (1701) yang diterbitkan di London. Walaupun Marsden (Teeuw 1961:16) menganggap Bowrey sebagai *illiterate*, iaitu buta huruf tetapi daripada aspek sumbangannya dalam bidang keserjanaan boleh dibanggakan kerana dia telah berjaya menghasilkan sebuah kamus yang penting yang dapat dimanfaatkan sehingga hari ini. Sebagai seorang pedagang, Bowrey telah menghabiskan sebahagian besar usianya merantau dan berniaga di kawasan timur seperti India dan alam Melayu.

Faktor Agama

Seiring dengan faktor ekonomi dan tarikan perdagangan, faktor agama juga memainkan peranan penting menarik orang Barat merantau ke alam Melayu. Orang Portugis mempunyai semangat mubaligh yang sangat kuat dan teruja untuk menjadi sebuah negara yang pertama mewujudkan hubungan dengan mana-mana negara Kristian di Timur. Motif utama kedatangan orang-orang Portugis adalah sebagai perintis merantau dan belayar mengikut jalan laut dari Eropah ke timur, khususnya ke alam Melayu. Prince Henry (rujuk warkah Melayu oleh Annabel Gallop 1994) berperanan mengatitkan rancangan ekspedisi untuk mencartakan perjalanan ke arah selatan sepanjang pantai barat Afrika. Usaha dan rancangan Prince Henry ini diteruskan walaupun dia telah meninggal dunia. Antaranya termasuklah Bartholomew Diaz yang mengelilingi Afrika pada tahun 1488, dan diikuti oleh Vasco da Gama yang sampai ke Malindi di Timur Afrika pada tahun 1498. Usaha tersebut diteruskan lagi sehinggalah orang Portugis berjaya menyeberangi Lautan Hindi untuk sampai ke Calicut dan kemudian berjaya memantapkan tempat asas perdagangan di pantai Malabar, India. Kehebatan orang-orang Portugal pada abad ke-15 dengan kemahiran warganya dalam pembinaan kapal, mempunyai ilmu pelayaran yang terkemuka, dan naungan diraja, telah menjadikan mereka teraju dalam eksplorasi laut.

Banyak mubaligh Kristian yang bersedia berkhidmat untuk tujuan menyebarkan agama mereka dalam kalangan rakyat di alam Melayu. Para mubaligh ini dilatih dan dibiayai oleh persatuan-persatuan dan badan-badan pengembang Kristian di Barat. Antaranya termasuklah Klinkert (1829-1913), Shellabear (1862-1947), dan Emil Luring (1863-1937). Klinkert melibatkan diri dalam satu kegiatan misi keagamaan yang dikenal sebagai *Doopsgezinde Zendigsvereeniging*, iaitu Persatuan Kitab *Bible* Belanda (1851), dan menerima latihan di *Nederlands Bijbelgenootschap* (Nothofer 2006:1) di Rotterdam (1853-1855). Sebagai seorang pengembang agama, Klinkert berusaha mengikut kelas di Sekolah Jawa Jansz' sehingga tahun 1859, dan mempelajari bahasa-bahasa Nusantara yang lain dan memberikan tumpuan yang lebih terhadap permasalahan yang timbul dalam bahasa Melayu. Di sisi mengembangkan agamanya melalui ceramah yang disampaikan dalam bahasa Melayu kepada masyarakat setempat, Klinkert juga bergiat dalam kerja-kerja penterjemahan sehingga dapat

menerbitkan sebuah akhbar Melayu yang diberikan nama *Selomporet Melajoe*, yang dia sendiri menjadi ketua pengarangnya. Klinkert adalah antara beberapa orang penyusun kamus bahasa Melayu yang dikenal yang telah berjaya menyusun kamus Belanda-Melayu (Indonesia) yang telah digunakan di alam Melayu pada zaman pemerintahan Belanda, khususnya di Indonesia. Klinkert bukan sahaja menghasilkan karya terjemahan malah berjaya menerbitkan karya dalam bidang bahasa khususnya perkamusan serta kesusasteraan Melayu tradisional seperti pantun dan syair. Jika diteliti hasil kerja Klinkert sejak tahun 1863 hingga akhir tahun 1890-an, kita mendapati bahawa kebanyakannya ditulis dalam bahasa Belanda untuk kegunaan para pelajar dan sarjana Barat, khususnya masyarakat yang mampu berbahasa Belanda. Dalam bidang bahasa, Klinkert terkenal kerana berjaya menghasilkan kamus Melayu-Belanda dan Belanda-Melayu (Raja Masittah 1993c).

Sebuah lagi karyanya ialah *A Malay-English Vocabulary: With an Appendix of Household, Nautical and Medical Terms, etc.* (1902) yang memuatkan lebih daripada 7,000 kata leksikal dan frasa dalam bahasa Melayu dengan maknanya dalam bahasa Inggeris. Lampiran yang disertakan bersama mengandungi istilah-istilah perubatan, pakaian dan hal ehwal rumah tangga, makanan dan masakan, jenis-jenis warna, kayu, laut dan pelayaran, nama-nama negeri dan bandar di dunia, dan nama mata angin, menurut penyebutan dalam bahasa Melayu.

Sebuah lagi karya Shellabear ialah *An English-Malay Dictionary* (1916) yang membahagikan bahasa Melayu kepada dua tahap. Tahap pertama diberi nama 'bahasa Melayu tinggi', iaitu bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang-orang Melayu yang disulami kiasan, bidalan, ungkapan, perumpamaan dan yang lain-lain. Tahap kedua ialah 'bahasa pasar', iaitu bahasa pertuturan yang mudah difaham oleh orang-orang Eropah, Cina, India dan bangsa-bangsa lain. Bahasa pasar ini disebut oleh Shellabear sebagai 'bahasa Melayu rendah' yang pernah menjadi *lingua franca*, iaitu komunikasi di alam Melayu pada suatu ketika dahulu. Bahasa Melayu rendah ini dikenal sebagai "bahasa Melayu Singapura atau bahasa Melayu Selat" (Harun Aminurrashid 1966:114). Teeuw (1961:44) berpendapat bahawa karya ini memperlihatkan data-data yang menarik tentang "the business language of the Malay Peninsula" dengan mengemukakan beberapa perkataan yang dianggapnya aneh lagi ganjil yang dituturkan oleh golongan Baba atau Cina

peranakan. Yang jelasnya, terdapat beberapa perbezaan penyebutan antara pertuturan bahasa Melayu oleh orang-orang Melayu dengan golongan Baba ini.

Luring juga merupakan mubaligh Kristian berbangsa Jerman yang dihantar ke alam Melayu bagi melaksanakan projek pertanian yang dibiayai oleh kerajaan kolonial Perak. Holger Warnk (2002:6) dalam pembentangan makalahnya tentang Luring (yang dikatakan sarjana Jerman yang dilupakan di Malaysia) menyatakan bahawa Luring telah menghasilkan satu salinan manuskrip (skrip Jawi) yang berjudul “Bustan-as Salatin” dan telah menulis karya ilmiah yang pertama tentang bahasa kumpulan orang asli di Ulu Kampar, Perak pada tahun 1898. Maklumat linguistik tentang Senoi (Semai) yang terkumpul oleh Luring terdiri daripada senarai panjang yang berkaitan dengan bahasa yang memuatkan 400 kata Senoi, terutamanya kategori kata nama, kata kerja dan angka atau bilangan. Luring mempelajari bahasa Melayu melalui bahan-bahan dalam bahasa Melayu yang ada di Jerman pada ketika itu seperti kamus, buku tatabahasa dan terjemahan *Bible*, di samping mempelajari bahasa Melayu secara langsung daripada Encik Abdul Majid di Singapura dengan berasaskan teks *Hikayat Abdullah, Kisah Pelayaran Abdullah dan Sejarah Melayu* (Warnk 2002:7).

Demikian juga dengan Hans Overbeck yang merantau ke alam Melayu dan amat berminat dan tertarik dengan cara kehidupan di Asia Tenggara, terutamanya budaya Jawa. Overbeck telah menghasilkan beberapa buah karya yang tidak diterbitkan (Kratz & Amin 2002: 3-4) antaranya, termasuklah *Kamus Wayang* (dalam bahasa Belanda); Ringkasan *Hikayat Tummengung Aria Wangsa* (dalam bahasa Jerman); terjemahan *Hikayat Seri Rama, Hikayat Abdullah dan Syair Tambuhan* (dalam bahasa Jerman) dan *Malay Pantun* (1922).

Para profesional Jerman seperti doktor yang berkhidmat untuk pergerakan Kristian dan pembantu-pembantunya dalam bidang perubatan juga memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa Melayu di alam Melayu. Wagner (2002) telah membuat penelitian tentang kegiatan mubaligh Jerman di alam Melayu yang berkaitan dengan linguistik Melayu, etnologi, geografi, sejarah dan sebagainya dan mempunyai pengalaman perubatan dan sejarah orang Melayu. Usaha mengembangkan agama Kristian ini diteruskan oleh pengikut-pengikutnya pada abad ke-20, antaranya termasuklah

Noorduyn yang mempelajari bahasa Melayu, bahasa dan kesusasteraan Indonesia dan bahasa Bugis di Universiti Leiden (1945) untuk dimanfaatkan dalam tugasnya dalam *Bible Society*.

Faktor Politik dan Hubungan Antarabangsa

Walaupun orang-orang Eropah tiba di alam Melayu sejak abad ke-15, tetapi penjajahan di alam Melayu hanya berlaku pada pertengahan abad ke-19. Salah satu strategi mereka memperoleh kekayaan tersebut adalah melalui kekuasaan tentera atau armada yang akhirnya berjaya menguasai negara-negara di alam Melayu melalui campur tangan orang-orang Barat dalam hal ehwal pentadbiran negara-negara di alam Melayu. Dengan strategi mempengaruhi pihak pemerintah di negara-negara yang dikenal pasti, orang-orang Barat dengan mudah berjaya mendapatkan segala yang dicita-citakan apabila mereka melantik Residen masing-masing sebagai penasihat kepada sultan, pemerintah mahupun ketua-ketua negara tersebut kerana sultan merupakan simbol kesatuan negeri. Selain menguasai sultan dan pemerintah negeri sebagai strategi menguasai rakyat Melayu, British mengambil alih juga fungsi Hakim Daerah dan *Collectors* (kemudian disebut Pegawai Daerah) yang selama ini dilakukan oleh ketua daerah. Perkembangan politik British semakin meluas dengan penubuhan Persekutuan Negeri-negeri Melayu pada tahun 1896 apabila seorang Residen-General dilantik untuk tujuan bekerjasama dari segi kewangan antara negeri-negeri tersebut dan mencapai keseragaman dalam pentadbiran (Bastin 1972: 65-66). Pegawai-pegawai baharu telah dilantik untuk menjalankan kuasa pemerintahan di negeri-negeri tersebut supaya menjadi sebuah kerajaan pusat yang kuat. Sistem undang-undang juga dicipta melalui seorang Penasihat Undang-undang Persekutuan yang menggubal undang-undang; melantik beberapa Pesuruhjaya Kehakiman Persekutuan dan menyatukan sistem kewangan di setiap negara, menguruskan mahkamah kerja raya, kehutanan dan pertanian tanah. Untuk memperkukuh kedudukan pentadbiran mereka di Tanah Melayu khususnya, dan di alam Melayu umumnya, pemerintah Kolonial Inggeris telah mengamalkan konsep “Pecah dan Perintah” dalam kalangan rakyat.

Semenanjung Tanah Melayu telah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Penubuhan Negeri Selat yang terdiri daripada Singapura (sebagai pusat pentadbiran), Pulau Pinang dan Melaka yang menjadi wilayah kekuasaan Inggeris di bawah Syarikat

Hindia Timur pada penghujung abad ke-18 dan awal abad ke-19. Negeri-negeri Selat ini terletak di bawah Kerajaan Kolonial yang ditadbirkan oleh Gabenor yang bertanggungjawab terhadap Pejabat Kolonial di London sehingga tahun 1870-an. Inggeris memperoleh Pulau Pinang daripada Sultan Kedah pada tahun 1786 dan Singapura menjadi wilayah kekuasaan Inggeris sebaik sahaja Sir Thomas Stamford Raffles menubuhkan pos perdagangan di Pulau Pinang pada tahun 1819; dan Singapura pula menjadi petempatan yang paling penting.

Faktor politik dan kekuatan ketenteraan Barat mempunyai hubung kait dengan faktor ekonomi dan perindustrian. Perang Dunia Pertama yang berlaku pada sekitar tahun 1900 mengharapakan perkembangan ekonomi selanjutnya dengan penubuhan industri penanaman getah pada awal abad ke-20. Pada tahun 1909, pembinaan jalan kereta api diusahakan untuk menggalakkan pembangunan dan memudahkan pengangkutan hasil bumi negara ke pelabuhan untuk dibawa balik ke Eropah. Dalam masa yang sama, orang Eropah berjaya menembusi industri bijih timah, dan pengurus-pengurus lombong berbangsa Eropah yang berpengaruh membawa pelbagai perubahan dalam dasar kerajaan kolonial pada waktu itu, yang menyebelahi dan membawa keuntungan kepada mereka.

Orang Barat yang merantau ke alam Melayu terutamanya yang dihantar oleh kerajaan masing-masing mempunyai bidang profesional yang tersendiri. Antaranya, termasuklah pegawai perubatan, peguam dan yang lain-lain. Contohnya ialah Maxwell, iaitu seorang pegawai kolonial Inggeris yang berkelulusan undang-undang; manakala Crawford ialah seorang doktor perubatan yang berkhidmat dengan Syarikat Hindia Timur, dan berpengalaman luas berkhidmat di wilayah-wilayah barat laut India (kini Uttar Pradesh) selama lima tahun (1803-1808). Dia dipindahkan ke Pulau Pinang (1808) selama tiga tahun, dan berpeluang juga mempelajari bahasa dan budaya Melayu. Semasa Crawford bertugas ke Pulau Jawa (1811-1817), dia berpeluang mempelajari bahasa Jawa dan menjalin hubungan rapat dengan beberapa aristokrat Jawa. Di bawah penguasaan Raffles, Crawford memegang beberapa jawatan penting, antaranya termasuklah sebagai Residen Inggeris di Yogyakarta (1811-1814), sebagai Residen Inggeris di Surabaya dan di Semarang, Residen Inggeris di Yogyakarta (1816), Residen Inggeris di Singapura (1823-1826), dan sebagai Pesuruhjaya Pegu (1826), kemudian ke *Court of Ava* (1927) Burma (kini

Myanmar) (Lubeight 1996), dan sebagai Presiden pertama Persatuan Negeri-negeri Selat (*The Straits Settlements Association*), yang ditubuhkan khusus untuk melindungi kepentingan Inggeris (1868).

Pada tahun 1770, Marsden merantau ke alam Melayu ketika berusia 16 tahun apabila dihantar oleh keluarganya ke- Bengkulu (*Bencoolen*), Sumatera Barat untuk berkhidmat bersama-sama dengan abangnya John. Ketika itu dia berusia enam belas tahun. Dia berkhidmat sebagai Setiausaha Angkatan Laut selama sembilan tahun, iaitu dari 30 Mei 1771 hingga 6 Julai 1779. Ketika berada di Sumatera Barat, dia tertarik hati dan menaruh minat terhadap bahasa Melayu dan sejarah tempatan. Dia berusaha mempelajari bahasa Melayu daripada Sheikh Abdul Kadir³ seperti yang tercatat dalam *Hikayat Abdullah*. Antara karya Marsden ialah *The History of Sumatera* (1966) yang memuatkan kajian tentang beberapa bahasa, adat istiadat, undang-undang di Sumatera, sejarah perjuangan rakyat Aceh, dan pemerintahan Portugis di Melaka. Karya ini telah membawa Marsden diiktiraf sebagai seorang sarjana. Penerbitan kamus yang dihasilkan oleh Marsden pada tahun 1812 ialah *A Dictionary of the Malayan Language in Two Parts: Malayan and English & English and Malayan* yang memperlihatkan kemajuan kepada ilmu perkamusan Melayu kerana penyusunannya diusahakan secara saintifik.

Pentadbiran dan Pendidikan

Faktor pentadbiran dan pendidikan ada kaitannya dengan faktor yang dibincangkan sebelum ini. Pengambilan penjawat awam pada dekad pertama berlaku selepas Perjanjian Pangkor. Pegawai-pegawai awam daripada Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat diambil untuk berkhidmat dengan negeri-negeri Melayu, antaranya termasuklah Frank Swettenham dan Sir William Edward Maxwell (1846-1897). Pengambilan pegawai-pegawai muda terus dilaksanakan dari tahun 1883 hingga 1896. Antara yang terpilih mempunyai hubungan peribadi dengan pegawai-pegawai penting di Malaya (Tanah Melayu) pada waktu itu, termasuklah Hugh Clifford, iaitu anak kepada Sir Henry Clifford.

Demikian juga dengan tindakan Kerajaan kolonial Belanda yang menggunakan pelbagai helah dan strategi yang diterapkan itu menyebabkan Kerajaan kolonial Belanda, melalui Syarikat Hindia Timur Belanda berjaya menguasai Indonesia pada satu jangka masa yang sangat lama, iaitu lebih daripada 400 tahun. Demikian juga dengan Tanah Melayu yang

pada waktu itu lebih dikenal sebagai Melaka yang telah dijajah oleh Portugis selama lebih daripada 130 tahun (1511-1641), yang dikuasai Belanda selama lebih daripada 143 tahun (1641-1784), dan diperintah oleh Kerajaan kolonial Inggeris sejak tahun 1875 sehinggalah Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kesan penjajahan di negara-negara tersebut telah membangkitkan semangat kebangsaan atau semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk di alam Melayu. Semangat nasionalisme di Indonesia mula bertapak sejak tahun 1929-1930 yang dipimpin oleh golongan elit tempatan yang membantah secara terbuka terhadap penjajah Eropah ke atas tanah tumpah darah mereka. Demikian juga dengan semangat nasionalisme yang bangkit dalam kalangan orang Melayu di Tanah Melayu menentang penjajah Barat.

Skeat ialah pegawai tadbir kerajaan Inggeris di Tanah Melayu yang berpengalaman sebagai Pegawai Daerah di Kelang, Ulu Langat dan Kuala Langat di Selangor; dan sebagai Hakim daerah Larut, Perak pada tahun 1898. Ketika berkhidmat sebagai Hakim di Larut, Skeat membuat pemerhatian tentang cara hidup bermasyarakat dalam kalangan orang Melayu. Hal ini terbukti melalui penghasilan karya-karya yang memperlihatkan ciri-ciri keserjanaan tentang bahasa dan sastra Melayu.

Maxwell pula sebagai pegawai kolonial di Tanah Melayu digalakkan oleh bapanya supaya mempelajari bahasa Melayu supaya mudah bergaul, berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang Melayu, terutama dalam menangani dan menyelesaikan beberapa masalah tentang tanah hak kepunyaan orang-orang Melayu dan galakan tersebut membantu Maxwell untuk menyumbangkan banyak karyanya dalam bahasa Melayu. Pengalaman Maxwell sebagai Pembantu Residen di bawah Hugh Low, selama lebih kurang lima tahun (1877-1882) telah membuka peluang yang luas untuk dia bergaul dengan orang-orang Melayu, dan mengenal pasti aspek kehidupan masyarakat Melayu tentang sejarahnya, peribahasa, cerita-cerita tradisional rakyat, dan konsep hartanah atau tanah pusaka dalam kalangan orang Melayu.

R.O. Winstedt pula adalah salah seorang pentadbir kolonial Inggeris yang tidak asing lagi di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Winstedt berkhidmat sebagai Inspektor sekolah-sekolah di Negeri Perak (1902), sebagai Pegawai Daerah Kuala Pilah (1913), sebagai Penolong Pengarah Pelajaran (1916) di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu Melaka, Pulau

Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, dan Singapura. Tugasnya adalah untuk memajukan pelajaran Melayu dalam bidang perusahaan. Winstedt berkhidmat di Singapura selama 15 tahun, dan kemudian dilantik sebagai Presiden yang pertama *Raffles College*, Singapura (1921-1931); memangku jawatan Setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi (1923), sebagai Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu; dan sebagai ahli Majlis Legislatif (1924-1931). Dalam tempoh yang sama, Winstedt dilantik sebagai ahli Majlis Persekutuan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1927-1931); dan kemudian sebagai Penasihat Umum kepada Kerajaan Melayu Johor (1931-1935).

Demikian juga dengan O.T. Dussek yang merantau ke alam Melayu untuk berkhidmat di Tanah Melayu selama 25 tahun. Walaupun Dussek seorang pentadbir kolonial Inggeris tetapi dia lebih sesuai sebagai seorang pendidik yang berusaha memajukan dan meningkatkan pelajaran Melayu, bahasa dan budaya Melayu melalui penerbitan buku-buku berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang dan ilmu. Dussek pernah berkhidmat sebagai Guru Penolong di Sekolah Tinggi Melaka (1912); Pengetua Maktab Latihan Melayu, Melaka (1914); sebagai Penolong Pengarah Pelajaran (Melayu) pada tahun 1923/1924; dan Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjong Malim, Perak (Dussek et al. 1949).

KESIMPULAN

Orang Barat yang merantau ke alam Melayu terbahagi kepada non-kolonial dan golongan kolonial, yang masing-masing mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Golongan non-kolonial terdiri daripada para sarjana dan ilmuwan yang terlibat secara langsung dengan dunia Melayu untuk menjalankan kajian dan penelitian bidang masing-masing, yang tidak terlibat dengan kolonial. Pelbagai sumber kajian yang diterokai dan diusahakan oleh para sarjana dalam bidang sains, geologi, geografi dan lain-lain di alam Melayu, yang kaya dengan flora dan fauna, bahan galian dan sebagainya, masing-masing mahu meningkatkan tahap keserjanaan dalam bidang masing-masing. Fenomena ini berlaku seawal abad ke-16 lagi dalam kalangan ilmuwan Jerman yang non-kolonial sifatnya. Melalui penyelidikan dan penelitian yang dilakukan, mereka telah mengumpulkan maklumat yang pelbagai dan menghasilkan karya dalam pelbagai disiplin tentang

dunia Melayu, termasuklah bidang kamus dan perkamusan.

Golongan kolonial pula melibatkan pemerantauan orang Barat ke alam Melayu untuk tujuan ekonomi dan politik yang membawa kepada penjajahan ke atas negara-negara di alam Melayu, seperti Indonesia oleh Belanda dan Tanah Melayu (Malaya) oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Dengan perkataan lain, fenomena ini berlaku apabila mereka ke alam Melayu dengan matlamat utama untuk menguasai ekonomi, politik dalam negara, pendidikan dan pentadbiran negara yang dijajah dan secara tidak langsung pula membawa kepada penghasilan karya bahasa, sastera dan budaya Melayu oleh pentadbir kolonial seperti Clifford, Winstedt, Wilkinson, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, selain mencari kemasyhuran nama dan kekayaan material, mengembangkan agama Kristian menjadi slogan utama merantaunya mereka ke alam Melayu. Sarjana-sarjana Barat, baik yang berbangsa Inggeris, Belanda, Perancis, Itali, Jerman dan yang lain-lain amat berminat mengumpulkan ribuan kosa kata dalam bahasa Melayu dan kemudian diusahakan penyusunannya dan diterbitkan dalam bentuk daftar kata dan kamus. Semua kosa kata yang terkumpul itu diberikan maknanya dalam bahasa masing-masing dengan memasukkan cara penyebutan kata-kata tersebut dalam bahasa Melayu menurut sistem ejaan masing-masing juga. Tujuan asalnya adalah untuk membantu para mubaligh Kristian dan pegawai-pegawai tadbir Syarikat Hindia Timur Belanda dan Inggeris khususnya untuk mempelajari bahasa Melayu sebelum mula berkhidmat di alam Melayu, terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu, dan kepulauan Indonesia. Seperti yang dikatakan oleh Hassan Ahmad (1998:6), bahawa bahasa Melayu menghadapi cabaran dan pengaruh tiga tamadun besar yang merupakan kuasa globalisme yang hebat sejak abad ke-15 apabila kuasa-kuasa Barat atau Eropah merentasi lautan mencari kawasan perdagangan dan untuk mengembangkan agama Kristian yang disebut oleh mereka “Dunia Baru” di Afrika dan di Asia-Pasifik.

Minat dan kesungguhan mereka dalam usaha pengumpulan ribuan kosa kata tersebut, wujudlah nama-nama cendekiawan Barat seperti Antonio Pigafetta (1491-1534), Cornelis & Frederick de Houtman, Thomas Bowrey (1650-1713), William Marsden (1754-1836), H.C. Klinkert (1829-1913), W.G. Shellabear (1862-1947), R.J. Wilkinson, dan R.O. Winstedt (1878-1966). Bagaimanapun terdapat juga sarjana Barat yang bukan sebagai pegawai

tadbir Inggeris atau Belanda tetapi mereka ini ialah sarjana yang sememangnya berminat membuat kajian dan penelitian tentang bahasa Melayu dalam pelbagai aspek, seperti Profesor A. Teeuw, dan Pierre Labrousse.

Pengaruh Barat bukan sahaja tertumpu ke alam Melayu yang berdasarkan faktor-faktor yang telah dijelaskan sebelum ini, malah meliputi kawasan Asia, seperti India, Sri Lanka, dan negara-negara di Asia Tenggara seperti Myanmar (nama lamanya ialah Burma) dan Indochina. Dengan kedatangan dan campur tangan orang Barat khususnya Inggeris ke Burma merupakan pemangkin kepada keruntuhan, perpecahan dan peperangan dalam kalangan etnik, antaranya termasuklah rumpun Tay, China-Tibet dan orang Moken yang dikenal sebagai nomad laut yang tinggal di Kepulauan Mergui dan bertutur dialek dalam rumpun bahasa Melayu (Lubeight 1996:16) yang sering bertelingkah dan tidak bersefahaman. Dengan penaklukan Arakan dan Tenasserim, British telah mengambil alih kuasa perdagangan di Lautan Hindi, sehinggalah Burma menjadi kawasan jajahan British yang ditadbir oleh pentadbiran British di India pada tahun 1886. Hasrat untuk menguasai perdagangan tercapai dan semua sektor ekonomi Burma diletakkan di bawah kuasa syarikat Hindia Timur Inggeris. Hal ini dapat dirumuskan bahawa sejarah kedatangan kuasa-kuasa Barat ke alam Melayu mempunyai serampang banyak mata, yang membabitkan faktor-faktor kesarjanaan, dan kemudian oleh faktor ekonomi dan perdagangan, politik, agama, pentadbiran dan pendidikan, yang secara langsung dan tidak langsung membawa kepada faktor kesarjanaan yang melibatkan penerbitan buku dalam pelbagai bidang, khususnya kamus ekabahasa dan dwibahasa. Bidang leksikografi adalah salah satu warisan daripada Barat, dan kamus merupakan bahan rujukan yang amat diperlukan oleh orang Barat untuk memudahkan tugas mereka di alam Melayu. Oleh sebab itu, sejak awal lagi, orang Barat telah mengusahakan perkamusan bahasa Melayu. Antara penyusun kamus yang terkenal di alam Melayu ialah William Marsden dengan karyanya yang penting, iaitu *Dictionary of the Malayan Language* (1812), *A Malay-English Dictionary* oleh Wilkinson, *A Practical Modern Malay-English Dictionary* (1952) dan *Dictionary of Colloquial Malay (Malay-English & English-Malay)* oleh Winstedt, dan kamus oleh Clifford dan Swettenham (1894) banyak digunakan pada akhir abad ke-19. Kamus besar dan berwibawa ini memuatkan entri dalam

huruf Arab dan disusun dalam urutan abjad Arab. Kamus ini dikatakan sebagai *magnum opus* yang telah diusahakan selama 40 tahun. Semua yang terlibat, baik secara langsung mahupun tidak langsung telah memainkan peranan penting dalam pengumpulan, penyusunan, dan pendokumentasian bahan-bahan kajian dalam bentuk senarai dan daftar kata sebagai sumber rujukan, bukan sahaja dimanfaatkan dalam kalangan penyelidik Barat malah dapat dimanfaatkan oleh pengkaji di sebelah Timur. Hasil kajian dan penerbitan tersebut dapat menyumbang kepada kepustakaan Melayu.

NOTA

- ¹ Kertas ini telah dibentangkan pada seminar "Merantau: Imagining Migration In The Malay World." International Seminar In Honour of Prof. E.U. Kratz, 30-31 Mac 2011, di Universiti Frankfurt, Jerman.
- ² Terdiri daripada orang Inggeris, Portugis, Belanda, Perancis, Jerman, Itali, Swiss, Austria, dan bangsa Eropah yang lain.
- ³ Seorang guru bahasa yang berketurunan Arab-India yang juga bapa kepada Abdullah Munshi.

RUJUKAN

- Bastin, J. 1954. Malayan Potraits: John Crawfurd. *Malaya* 3: 697-698.
- Bausani, Alessandro. 1961. Perbendaharaan kata Itali-Melayu yang Pertama kali oleh Antonio Pigafetta. *Jurnal Dewan Bahasa* (5) Nov, hlm. 510-25, Dis, hlm. 558-69.
- Dussek, O.T., Ahmad Murad Nasarudin & Coope, A.E. 1949. *Graduated Malay Reader*. Kuala Lumpur: Malayan Printers.
- Gallop, Annabel, T. 1994. *The Legacy of the Malay Letter (Warisan Warkah Melayu) With an Essay by E Ulrich Kratz*. London: The British Library.
- Graf, Arndt. 2002. "Wilhelm von Humboldt's Work on the Kawi-Language of Java (1836-9): An Early Combination of Linguistics and Area Studies Approaches. Kolokium Germa-Speaking Scholarship and the Malay World: Exploring an Empirical Tradition, ATMA, Bangi, 11-13 Mac.
- Kennedy, J. 1967. *A History of Malaya A.D. 1400-1959*. London: Macmillan.
- Kratz, Ulrich & Sweeney, Amin. 2002. On Overbeck; Malay Literature was not Dead After All. Kolokium Germa-Speaking Scholarship and the Malay World: Exploring an Empirical Tradition, ATMA, Bangi, 11-13 Mac.
- Lubeight, Gur. 1996. Kesatuan Myanmar. Dlm. *Semenanjung Indochina: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nothofer, B. 2006. A Comparison of Klinkert's Low and High Malay Translation of the Gospel According to St. Matthew as part of his Translation of the New Testament. In Lokakarya Teori dan Kaedah Penyelidikan Linguistic, Serdang, University Putra Malaysia, 12-19 Sept. 2006.

- Raja Masittah Raja Ariffin. 1991. A. Teeuw (1921 - 2102). *Jurnal Dewan Bahasa* 35: 12 Dis., hlm. 1121-7.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1993a. Antonio Pigafetta (1491-1534). *Jurnal Dewan Bahasa* 37: 1 Jan, hlm. 84-90.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1993b. Cornelis de Houtman. *Jurnal Dewan Bahasa* 37: 11 Nov., hlm. 1041-4.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1993c H.C. Klinkert (1829-1913). *Jurnal Dewan Bahasa* 37: 12 Dis., hlm. 1136-40.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1995. R. Roolvink. *Jurnal Dewan Bahasa* 39: 12 Dis., hlm. 1142-5.
- Teeuw, A. 1961. *A Critical Survey of Studies on Malay and Bahasa Indonesia*. S'Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Warnk, H. 2002. A Forgotten Scholar of Malaysia: The German Missionary Emil Luring. Kolokium Germa-Speaking Scholarship and the Malay World: Exploring an Empirical Tradition. ATMA, Bangi, 11-13 Mac.
- Wagner, W. 2002. The Dynamics of German Missionary Activities in the Malay World-Inter-Relationship and Perceptions in German Speaking. Kolokium Germa-Speaking Scholarship and the Malay World: Exploring an Empirical Tradition. ATMA, Bangi, 11-13 Mac.
- Waruno Mahdi. 2002a. The First Standard of Grammar of Malay-George Wernly's 1736 Maleische Spraakunst. Kolokium Germa-Speaking Scholarship and the Malay World: Exploring an Empirical Tradition. ATMA, Bangi, 11-13 Mac.
- Waruno Mahdi. 2002b. Malayan Words and Malayan Things: Earliest Lexical Souvenirs of European Travelers from an Exotic Archipelago. Kolokium Germa-Speaking Scholarship and the Malay World: Exploring an Empirical Tradition. ATMA, Bangi, 11-13 Mac.

Raja Masittah Raja Ariffin
 Profesor Madya
 Jabatan Bahasa Melayu
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang, Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: rajamasittah@putra.upm.edu.my /
 rma@fbmk.upm.edu.my

